

17 JUL 2002

PILIH PARTI YANG MAMPU BAWA PEMBANGUNAN, KATA PPP

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Rakyat harus sentiasa memilih dan menyokong wakil Barisan Nasional (BN) kerana parti itu mampu membawa pembangunan dan kemajuan kepada masyarakat dan negara, kata Presiden PPP Datuk M. Kayveas.

Beliau berkata rakyat harus menolak parti PAS yang tidak bersungguh-sungguh dalam aspek pembangunan dan kemajuan rakyat tetapi lebih berminat untuk melahirkan golongan ekstremis.

Perbuatan pemimpin PAS mencaci dan menghina Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta sesiapa sahaja yang mereka tidak suka menunjukkan bahawa mereka tidak layak memimpin negara, katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

"Pemimpin PAS hanya pandai berjanji itu dan ini tetapi tidak membawa apa-apa perubahan dan kemajuan kepada rakyat mahupun kepada penyokong mereka sendiri.

"Sudah tiba masanya untuk rakyat, termasuk anggota PAS untuk menyedari hakikat ini," katanya.

-- BERNAMA
AFY ZS RHM